



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 24 OKTOBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PENTERNAK AYAM MINTA SUBSIDI BERSARAR, DALAM NEGERI, UM-31 TANGANI KRISIS BERAS BUKAN ULANG 'STRATEGI SAMA, HARAP KEPUTUSAN BERBEZA, RENCANA, BH-12 MPS CALL FOR AGRO-FOOD SECTOR RESTRUCTURING, NATION, THE STAR-4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5.	MAKANAN SEJUK BEKU BERNILAI LEBIH RM19.6 JUTA DIRAMPAS, LOKAL, HM-22 RISIKO BAU BUSUK, LALAT: PENDUDUK BANTAH PEMBINAAN LADANG AYAM, DALAM NEGERI, UM-32	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
6.	31 BUBU NAGA DIRAMPAS, NEGERI KEDAH, P. PINANG, SH-27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8.	LADANG DURIAN MAMPU RAIH PENDAPATAN BERULANG, BISNES, BH-19 PRICES CONTROL NOT THE BEST WAY TO ACHIEVE FOOD SECURITY, NEWS, NST-13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
		DALAM	SURAT
24/10/2023	UTUSAN MEDIA	DALAM NEGERI	31

Penternak ayam minta subsidi bersasar


ALOR SETAR: Penternak ayam di negeri ini meminta kerajaan mempertimbang subsidi bersasar dalam kalangan penternak kecil dan sederhana bagi kelangsungan industri itu.

Setiausaha Persatuan Penternak Ayam Kedah, P. Ravintharan berkata, walaupun pihaknya akur dengan keputusan kerajaan untuk tidak meneruskan pembelian subsidi namun berharap situasi menang-menang untuk semua yang terlibat.

“Kami sudah bermesyuarat dengan kementerian minggu lepas untuk menentukan mekanisme terbaik penetapan harga ekoran harga ayam akan diajukan. Persatuan sudah terangkan tentang kepentingan untukkekalkan subsidi atau subsidi bersasar.

“Harap kerajaan pertimbangkan. Kita tunggu mekanisme yang akan diumumkan oleh kerajaan nanti. Mungkin ada penurunan sederhana untuk depan tiada lagi subsidi,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kerajaan akan mengumum



PENTERNAK ayam berharap kerajaan teruskan subsidi bersasar kepada penternak kecil dan sederhana.

pelaksanaan apungan ayam dan telur pada 30 Oktober ini ekoran bekalan kedua-duanya kembali stabil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2024 mengumumkan kerajaan akan mengapung harga barang itu dan tidak lagi meneruskan pemberian subsidi kepada penternak ayam dan pengeluar telur.

Dalam pada itu, menurut seorang penternak yang juga Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd., Mazlina Kamarudin, pihaknya akur dengan keputusan kerajaan untuk menarik pemberian subsidi kepada industri ternakan itu.

“Namun sebagai penternak kecil dan sederhana, kami harap kerajaan melakukannya sesatu untuk mengurangkan kos anak ayam dan dedak.

“Harga bahan itu masih tinggi ketika ini,” katanya.

depan tiada lagi subsidi,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kerajaan akan mengumum

Tangani krisis beras bukan ulang ‘strategi sama, harap keputusan berbeza’

● Krisis semasa dicetuskan gabungan faktor global tidak terjangka selama ini, iaitu pandemik, perang Russia-Ukraine dan perubahan cuaca

● Selama ini, kos pengeluaran padi di negara ini ditanggung sebahagian besar oleh kerajaan melalui subsidi serta perbelanjaan prasarana



Oleh Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad
bhrencana@bh.com.my

Felo Perunding dan Pemegang Kursi Keterjaminan Makanan, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makamani, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Malaysia melalui beberapa krisis harga beras pada 1971, 1980-an, 2008 dan terbaru tahun ini. Namun, Malaysia memilih untuk menangainya secara pintas dan tidak merombak sistem serta struktur industri kukuh dan berdaya tahan berdepan ombak krisis mendatang.

Malah, strategi sama diulangi dan mengharap penyelesaian berbeza. Mengikut ahli falsafah, ini dangkal namanya.

Dalam semua krisis harga beras, impaknya hampir serupa. Apabila wujud perbezaan besar antara harga tempatan (dikawal) dengan harga beras import bebas, ia membuka peluang kepada peniaga mengambil keuntungan arbitraj, iaitu mencampurkan beras berharga rendah dengan beras berharga tinggi (tempatan mahupun import). Kadangkala peniaga menyimpan stok buat sementara dan dipasarkan apabila harga tinggi. Kedua-dua kegiatan ini mewujudkan ‘penuguran buatan’.

Dalam pasaran tidak bersaing, iaitu jika wujud monopoli dan oligopoli, keuntungan diraih lazimnya melepas paras normal. Untuk menangani pengurangan ini, antara tindakan diambil kerajaan termasuk pemantauan membatikan FAMA dalam agihan beras, subsidi kepada pengguna di Sabah dan Sarawak dan mengehadkan belian padi ke atas pengguna.

Krisis harga berpunca dua faktor; fundamental merujuk permintaan dan penawaran serta faktor teknikal. Ketiga-tiga krisis dilanda masalah penawaran. Contohnya, krisis 1971 dicetuskan peningkatan tinggi harga petrol dipicu Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) baru ditubuhkan dan masalah cuaca di negara pengeluar bijirin seperti Russia dan Amerika Syarikat (AS).

Gabungan faktor global

Krisis semasa dicetuskan gabungan faktor global tidak terjangka selama ini, iaitu pandemik, perang Russia-Ukraine dan perubahan cuaca yang menjelaskan bekalan bijirin dunia.

Krisis ini mendedahkan kerapuhan sektor beras negara.

Pertama, ketidaktersediaan Malaysia berdedikasi kejutan kenaikan harga mendadak dan kesempitan import. Pengeluaran beras negara sering tidak mencukupi, malah kadar pergantungan import meningkat daripada 30 peratus pada 2016 kepada 35 peratus (2022).

Pasaran beras antarabangsa antara pasaran sangat tidak menentu kerana purata lebih eksport adalah 10 peratus sahaja berbanding gandum (22 peratus) dan jagung (16 peratus). Kesannya, sebarang gangguan bekalan, akan mencetuskan kepincangan harga.

Kedua, ketidakmampuan industri beras bertumbuh ke tahap pengeksport seperti Vietnam dan Thailand, dibatasi hambatan struktur mendalam. Berbanding negara lain di Asia, sektor

beras di negara ini adalah paling tertinggi dari segi perlindungan selain Jepun.

Daripada input hingga import, sektor ini ter-takluk sama ada agensi atau syarikat monopoli dan pengilang dan peniaga besar masing-masing memiliki syer pasaran besar.

Kesan besar gabungan pelbagai polisi perlindungan ialah deindustrialisasi, iaitu industri bertumbuh perlahan, inovasi terbatas, perkhidmatan agihan baja dan benih tidak cekap, tiada pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan pemain baharu, impak kepada petani adalah produktiviti malar, malah menurun kebakangan ini.

Tidak menghairankan jika sektor ini rapuh dicabar kenaikan harga dalam pasaran antarabangsa. Jika Malaysia mampu mengeluarkan pengeluaran berlebihan, krisis semasa mudah ditangani.

Bagaimana Malaysia perlu memperkuatkukan sektor padi supaya berdaya tahan, sekurang-kurangnya cadangan jangka pendek?

Pertama, perhubungan diplomasi melalui kerajaan dengan kerajaan mendapatkan bekalan beras daripada Thailand, Vietnam mahupun India atau negara lain.

Kedua, memantau simpanan stok beras negara. Ketika krisis meruncing, ia perlu digunakan sebagai stok pinimbang untuk menstabilkan harga dalam jangka pendek.

Ketiga, membina aplikasi berlandaskan data masa-nya untuk memantau prestasi pasaran dari semasa ke semasa. Kini, data industri padi dan beras diuruskan BERNAS yang memiliki kepentingan tersendiri jauh berbeza dengan kepentingan kerajaan.

Keempat, memantau amalan tidak etika penjualan beras mudah dilaksanakan melalui aplikasi dengan pengguna mengadu kepada kerajaan melalui laman web. Pangkalan data menggunakan data masa-nya diperlukan, sekali gus memudahkan penerapan teknologi rantai blok akan mem-

bawa faedah seperti kecekapan, ketelusan dan tatakelola baik.

Kelima, harga padi dan beras ditingkatkan untuk mencerminkan situasi pasaran serta kos pengeluaran padi. Era harga beras murah mungkin berakhir kerana kemungkinan kekerapan perubahan iklim, kos input kian meningkat dan kos atas alam sekitar (tanah, air dan persekitaran) adalah tinggi.

Pasaran mudah rapuh

Pasaran beras dunia mudah rapuh apabila berlaku ketidakimbangan penawaran dan permintaan. Juga sebahagian besar pengeluar adalah negara membangun, maka keperluan melindungi rakyat miskin adalah keutamaan.

Selama ini, kos pengeluaran padi di negara ini ditanggung sebahagian besar oleh kerajaan melalui subsidi input dan output serta perbelanjaan prasarana. Perhatikan harga siling beras, iaitu RM2.60 setiap kilogram ditetapkan pada 2019 dan harga padi (RM1.200 setiap tan) ditetapkan pada 2014 ‘bertahan’ hingga kini tetapi harga input seperti beras meningkat 200 peratus.

Faedah kenaikan harga beras dan padi adalah mengurangkan beban fiskal kepada kerajaan, meningkatkan pendapatan petani dan pengilang serta penggunaan sumber lebih cekap, iaitu kurang pembaziran. Petani ialah tonggak industri padi, pendapatan rendah akan mengurang keluar pentadbiran dan menjelaskan kesinambunganannya.

Harga beras tinggi akan mendorong pengguna mempelbagaikan pemakanan, inovasi nilai tambah akan meningkat dan penjimatian beras, lantas mengurangkan sisa makanan dibuang.

Masa hadapan industri akan terus dicabar daripada semua dimensi, justeru polisi sektor ini perlu berlandaskan matlamat kelestarian, berdaya tahan dan kesetaraan. Ini tentu memerlukan polisi jangka panjang.

Pertama, dalam persekitaran serba kompleks, data dan teknologi adalah penyelamat. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian PBB (FAO), 70 peratus produktiviti masa depan daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan teknologi, bukan daripada tanah.

Kedua, penerapan teknologi termaju perlu disegerakan seperti dron, kecerdasan buatan (AI), rantaian blok dan internet benda (IoT).

Ketiga, meningkatkan pengeluaran input tempatan menggunakan biojisim dan bahan makanan buangan.

Keempat, polisi mesra petani kecil yang merangkumi 90 peratus memiliki sawah kurang dua hektar, Jentua besar menyebabkan kadar tumpahan di sawah 20 peratus, masalah tanah dan kos sewa sangat tinggi hingga memerlukan jentua, peralatan, peranti dan mesin kecil pintar, benih kalis cuaca serta aplikasi digital. Koperasi wahana terbaik untuk daya runding petani.

Kelima, sektor ini perlu ‘liberalisasi secara terpimpin’ untuk mewujudkan persaingan sihat dan kesetaraan di sepanjang rangkaian bekalan daripada sub-sektor input hingga runcitan. Mulakan dengan ganti subsidi input kepada subsidi output untuk memberi kebebasan petani supaya mandiri, progresif dan berdaya saing.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2023	THE STAR	NATION	4

MPS call for agro-food sector restructuring

KUALA LUMPUR: THE agro-food sector needs to be restructured if the nation is to be ready to address future food security crises, say lawmakers.

Dr Richard Rapu @ Aman Anak Begri (GPS-Betong) said the government must carry out a transformation to ensure the sector becomes more resilient, inclusive, competitive and sustainable.

“This includes carrying out changes to agriculture practices, accepting the use of advanced technology, and strengthening the ecosystem to facilitate transformation efforts,” he said during the debate on the Supply Bill

2024 in the Dewan Rakyat yesterday. Zahari Kechik (PN-Jeli), echoing similar views, said the government should not be overly dependent on food imports. He said the current food security crisis was also due to the country being overly reliant on imported food, with the import value reaching RM62bil annually.

“When an exporting country changes its policies, our food security will be affected. This will bring calamity to the people and the country,” he said.

Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu) said the Federal Government must be prepared to

spend heavily on food security initiatives to reduce reliance on food exports.

He said the Negri Sembilan government, for example, had applied for an additional RM20mil under Budget 2024 to strengthen the agricultural, livestock and fisheries industries, as well as the development of idle land for agricultural use.

“Negri Sembilan is not a rice-producing state, but it has 1,200 hectares of land for padi planting. With allocation available, we can build our own rice mills in the coming years to supply rice for our own state,” he said.

Kalam Sulaiman (PN-Sabak Bernam) suggested that the government increase the floor price of padi to RM1,500 per tonne compared to the current rate of RM1,300.

He said this was necessary to be fair to farmers, who have to bear the cost of importing fertilisers and pesticides and the price of oil for machinery.

The issue of food security was also brought up by several other MPs, among them Ahmad Tarmizi Sulaiman (PN-Sik), Rodiyah Sapiee (GPS-Barang Sadong) and Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (PN-Bukit Gantang).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2023	HARIAN METRO	LOKAL	22

TIADA LESEN SAH, STATUS HALAL MERAGUKAN

Makanan sejuk bekui bernilai lebih RM19.6 juta dirampas

Kota Kinabalu: Polis merampas pelbagai makanan sejuk bekui diangarkan bernilai lebih RM19.6 juta di dua guadang di sekitar Penampang di sini, Sabtu lalu selepas didapati tidak memiliki lesen sah dan status halal meragukan.

Dalam serbuan jam 10 pagi itu, kedua-dua guadang berkenaan dipercaya dijadikan sebagai tempat penyimpanan dan pembungkusan sebelum dijual ke pasaran tempatan.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Shahririnais lais berkata, serbuan dijalankan selepas kedua-dua premis ini disyaki memiliki produk dan hasil haluan tanpa lesen yang sah.

Selain itu katanya,

mua produk makanan ini

mempunyai status halal

meragukan serta dipercaya

yi melanggar peraturan kebersihan makanan.

"Antara barang yang berjaya dirampas adalah makanan bekui seperti ayam, itik, sotong, kambing dan daging lembu."

"Selain itu, polis turut merampas pelbagai jenis makanan sejuk bekui segera seperti nugget, sosis, serta bebola ikan pelbagai jenama," katanya kerika sidaang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah di sini, semalam.

Shahririnais berkata, siasatan mendapat kesetujuan kerika sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah di sini, semalam.

POLIS menjalankan serbuan setelah kedua-dua premis disyaki memiliki produk dan hasil haluan tanpa lesen yang sah.

POLIS

pengiktirafan halal dari pada jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). "Siasatan juga mendapati terdapat daging tamat tempoh tetapi tidak dilupuskan secara betul selain berlaku pengubahan logo halal yang disalah guna di korak bungkus makanan berkenaan," katanya.

Katanya, semua rampasan diserahkan kepada Pegawai Operasi Seksyen Veterinar Sabah untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 15(1) Enakmen Hawan 2015 Negeri Sabah.

2

Jumlah gading dipercaya dijadikan sebagai tempat penyimpanan dan pembungkusan



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
24/10/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	SURAT 32

Risiko bau busuk, lalat: Penduduk bantah pembinaan ladang ayam

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Kira-kira 150 penduduk di Kampung Tanjung Sari di sini membantah cadangan pembinaan ladang ayam berdekatan dengan kampung mereka.

Wakil penduduk, Lina A. Basir berkata, mereka membantah ladang ayam itu bagi mengelak masalah yang mungkin timbul terutama bau busuk dan lalat. Menurutnya, apakah 'lagi' kedudukan ladang ayam tersebut terletak berhampiran dengan rumah penduduk iaitu kira-kira 100 meter selain terdapat sekolah agama rakyat, masjid dan rumah penduduk warga emas.

"Penduduk membantah cadangan pembinaan ladang ayam dekat kampung kami kerana ia boleh menyebabkan pencemaran bau dan kehadiran lalat yang akan mengganggu kehidupan kami tenjas," katanya.

"Kami memang menyokong jika ada pengusaha yang mau menjalankan industri ternakan tetapi cadangan lokasinya tidak

banjir.

"Penduduk sini hampir 500 orang, kami sudah menandangkan perisytiharan bantahan cadangan membina ladang ayam ini yang terlalu hampir dengan penempatan kami."

"Tapak ladang itu memang tanah persendirian tetapi mereka perlu memikirkan masalah yang mungkin timbul kerana ia dekat dengan rumah penduduk," katanya.

Penduduk, Jawaiah Yosup, 77, berkata, pembinaan ladang ayam itu akan menambahkan lagi masalah kepada penduduk selepas kampung itu kerap dilanda banjir.

"Sebagai orang tua, kebingungan saya ialah pencemaran bau dan mungkin lalat lebih banyak. Rumah saya tak jauh daripada tapak yang dicadangkan untuk bina ladang ayam tersebut, jika dibina, saya antara penduduk yang paling terkesan."

"Jadi saya merayu carilah tapak lain untuk bina ladang ayam, bukan dekat dengan rumah penduduk," katanya.



PENDUDUK mengadakan perhimpunan membantah cadangan pembinaan ladang ayam di Kampung Tanjung Sari di Pasir Salak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

menjalankan rutin harian, ini sesuai kerana terletak dekat dengan kampung penduduk di sini," katanya kepada Utusan Malaysia.

Imam masjid kampung tersebut, Mohd. Shafie Samusi berkata, pengusaha ladang ayam terlibat harus memikirkan kesan

menjelaskan rutin harian, ini juga akan menyebabkan murid di sekolah agama tidak dapat fokus masa belajar.

"Kami memang menyokong jika ada pengusaha yang mau menjalankan industri ternakan tetapi cadangan lokasinya tidak

pembinaan ladang yang terlalu dekat dengan penempatan penduduk yang akan menimbulkan masalah.

Katanya, selain pencemaran bau dan lalat, mereka juga bimbang risiko pencemaran air sungai berdekatannya jika berlaku

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2023	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH. PENANG	27

31 bubu naga dirampas

LUMUT - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) Perak merampas 31 set bubu naga di kedudukan 1.1 batu nautika timur laut Pulau Talang di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Kepten Maritim Mohd Hambali Ya'akup berkata, bubu itu dikesan menerusi rondaan Op Pintas dan Op Tiris di perairan Perak.

"Pasukan curiga melihat terdapat pelampung berwarna putih yang diikat pada pancang kayu di sekitar perairan berkenaan."

"Pemeriksaan mendapati pelampung itu adalah penanda lokasi bubu naga," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Menurutnya, rampasan dilakukan dan dibawa ke Jeti Perikanan Kampung Acheh untuk tindakan lanjut.

Ladang durian mampu raih pendapatan berulang

Bina Puri sasar RM10 juta setahun selepas mulakan pengeluaran komersial berskala penuh pada 2029

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my



Matthew (kiri) bersama Pengarah Karak Land Sdn Bhd, Datuk Ng Kee Leen (tengah) dan Datuk Gan Yew Tee ketika sesi temu bual di Wisma Bina Puri Holdings Bhd.

Bina Puri Holdings Bhd menyatakan untuk meraih pendapatan berulang sebanyak RM10 juta setahun apabila ladang durian miliknya memulakan pengeluaran komersial berskala penuh pada 2029. Pengarah Eksekutif Kumpulannya, Datuk Matthew Tee, berkata ladang itu terdiri daripada 5,000 pokok durian terutama Musang King yang berusia antara lima hingga enam tahun dan 3,000 pokok buah-buahan lain.

"Nilai tanah dengan pokok durian dianggarkan RM112.5 juta, berdasarkan RM450,000 kitar pasaran sedia ada di sekitar kawasan Bentong," katanya.

"Penuitian besar-besaran per-

anggaran 150 tan untuk memasuki pasaran durian tempatan dan global. Dijangka membawa manfaat anggaran pendapatan RM375 juta semestui."

"Pokok durian ini dijangka berkembang menjadi pengeluaran komersial berskala penuh pada 2029 dengan anggaran pendapatan tahanan berulang sebanyak RM10 juta kepada syarikat untuk 20 hingga 30 tahun akan datang dan anggaran keuntungan sehingga 60 peratus," katanya kepada BH ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu Matthew ber-

wal di pintu masuk. Selain itu katanya, daya tarikan lain ialah 101.17 hektar ladang durian Musang King milik kumpulan itu yang mula ditanam pada 2017 dan boleh dijual besar-besaran, buat kali pertama pada tahun depan yang boleh dimulakan penduduk di situ.

"The Valley @ Bentong ini bermula pada 2017 apabila kami meletakkan asas pertama iaitu jambatan melintasi Sungai Kerau. Sejak itu, kami telah bergerak maju ke hadapan dan menyelesaikan pembinaan lebih awal pada 2019.

"Semasa pembinaan kami telah membina hampir 20 kilometer jalan, saliran dan air membekalkan paip ke semua lot yang melintasi keseluruhan 242.81 hektar di Kerau @ The Valley.

"Kejayaan ini, sejak dilancarkan,

fasa satu projek Kerau telah habis terjal, manakala fasa dua Kerau

pula 62 peratus telah terjual. Fasa ketiga iaitu Sarang pula 30 peratus telah terjual dan fasa keempat yang juga terakhir akan dilancarkan tidak lama lagi," katanya.

"The Valley seluas 646.2 hektar terletak di Karak, di dalam daerah Bentong dengan nilai pembiayaan (GDV) kira-kira RM495.3 juta, ia dibangunkan oleh Karak Land Sdn Bhd, anak syarikat Kumpulan Bina Puri.

Karuan Musang King

Beliau berkata, pihaknya telah

melabur kira-kira RM30 juta se-

tarak ini bagi membangunkan

infrastruktur termasuk akses

jalan berat, saliran longkang,

belakan air dan elektrik serta

kawalan keselamatan berpenga-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
24/10/2023	NEW STRAITS TIMES	NEWS	13
HIGH FOOD PRICES			

Price controls not the best way to achieve food security

FOOD security is a global agenda. One factor contributing to the desire to be food secure is the rising cost of food. The supply-chain disruption caused by global conflicts has contributed to the price rise.

The bigger concern is the ready availability and affordability of food.

For Malaysia, the overdependence on imports has become a national concern, not to mention the rising food import bill, which adds more stress to the economy. We have for years resorted to price controls to cushion the impact of high food prices.

Price controls, while well-intended, are not the most effective way to achieve food security.

The announcement in the 2024 Budget to phase out the price control on eggs and chicken is a positive sign to boost production. Economists agree that price controls can create market distortions.

When prices are fixed below the market equilibrium, producers are discouraged from producing because of low margin, and this can lead to shortages as consumers buy more due to lower prices.

This imbalance can disrupt the supply chain and lead to inefficiencies. Price controls can reduce the incentives for farmers to produce more food. When they are not able to fetch

fair market prices for their products, they may reduce their output or shift to more profitable crops.

This, in turn, can lead to reduced food production. In some cases, price controls can lead to a focus on quantity over quality. Producers may cut costs and compromise on safety and quality standards to maintain profitability when prices are constrained. This is bad for health and nutrition.

It is no secret that price controls can lead to black markets or illegal trading. When prices are artificially low, a parallel market with higher prices can emerge, which can exacerbate supply-chain issues and hinder government efforts to ensure food security.

Price controls do not address the root causes of food insecurity, such as logistical challenges, post-harvest losses and poor infrastructure.

These structural issues need to be addressed separately to improve food security.



The announcement in the 2024 Budget to phase out the price control of eggs and chicken will boost production. FILE PIC

DR AHMAD IBRAHIM



Food security is a global agenda. One factor contributing to the desire to be food secure is the rising cost of food. The supply-chain disruption caused by global conflicts has contributed to the price rise.

The bigger concern is the ready availability and affordability of food.

Implementing targeted social safety nets that provide assistance to those most in need, rather than trying to control prices, is also an option.

Additionally, we can encourage diversified food production and sustainable agriculture practices, not to mention implementing risk-management strategies to address the impact of external factors on food prices.

Other measures include investing in research and development to improve crop yields and resilience, and improving transportation, storage, and distribution infrastructure to reduce post-harvest losses and boost food availability.

While price controls may be tempting as a short-term solution, they are not a sustainable strategy for achieving food security in the long run.

A combination of market-oriented policies and targeted interventions is more effective in addressing the root causes of food insecurity.

In fact, price controls hinder food security.

The writer is a professor at the Tan Sri Omar Centre for STI Policy, USCI University

Instead of relying on price controls, a more comprehensive approach is needed to shield consumers from these global influences.

IMPLEMENTING AND ENFORCING PRICE CONTROLS CAN BE ADMINISTRATIVELY CHALLENGING. IT REQUIRES SIGNIFICANT GOVERNMENT RESOURCES AND CAN BE PRONE TO CORRUPTION.

MARKET PARTICIPANTS MAY REACT TO PRICE CONTROLS BY REDUCING INVESTMENTS, INNOVATIONS OR PRODUCTION.

THIS CAN HAVE LONG-TERM NEGATIVE EFFECTS ON FOOD SUPPLY. PRICE CONTROLS MAY NOT ACCOUNT FOR GLOBAL MARKET DYNAMICS.

FOOD PRICES ARE OFTEN INFLUENCED BY INTERNATIONAL FACTORS, SUCH AS WEATHER, TRADE POLICIES AND GLOBAL DEMAND.

PRICE CONTROLS MAY NOT SHIELD CONSUMERS FROM THESE GLOBAL INFLUENCES.

INSTEAD OF RELYING ON PRICE CONTROLS, A MORE COMPREHENSIVE APPROACH IS NEEDED TO SHIELD CONSUMERS FROM THESE GLOBAL INFLUENCES.